



PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (PEMBANGUNAN)

Bilangan 3 Tahun 2020

PENGEMASKINIAN SKOP PENILAIAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN DI BAWAH JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT DAN ELEKTRONIK (JITE), JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT DAN ELEKTRONIK NEGERI (JITEN) DAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT DAN ELEKTRONIK ZON (JITEZ)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan penguatkuasaan skop penilaian bekalan dan perkhidmatan di bawah Jawatankuasa Teknikal ICT dan Elektronik (JITE), Jawatankuasa Teknikal ICT dan Elektronik Negeri (JITEN) dan Jawatankuasa Teknikal ICT dan Elektronik Zon (JITEZ) di bawah skop ICT, Alat Pandang Dengar, Elektronik, Automasi Pejabat, Telekomunikasi dan Sumber Digital.

LATAR BELAKANG

2. Bagi maksud pemakaian pekeliling ini, Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Projek ICT dan Elektronik (JPPIT) Bil. 9/2019 bertarikh 11 September 2019 meluluskan Cadangan Penambahbaikan Skop Peralatan dan Perkhidmatan di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Teknikal ICT dan Elektronik (JITE) iaitu ICT, Alat Pandang Dengar, Elektronik, Automasi Pejabat, Telekomunikasi dan Sumber Digital.

TUJUAN PELAKSANAAN

3. i. Penambahbaikan skop peralatan dan perkhidmatan diperkemaskan bagi membantu kelancaran proses perolehan di peringkat universiti.

- ii. Berkuatkuasa tarikh yang dinyatakan, hanya skop peralatan dan perkhidmatan seperti di lampiran akan dinilai oleh pihak JITE dan skop ini terpakai kepada jawatankuasa teknikal seperti berikut :
- Jawatankuasa Teknikal ICT dan Elektronik Negeri (JITEN)
 - Jawatankuasa Teknikal ICT dan Elektronik Zon (JITEZ)

TERMA RUJUKAN

4. Terma Rujukan seperti di Lampiran 1.

TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling ini dikeluarkan pada **7 Februari 2020**.

TARIKH KUATKUASA

6. Tarikh kuatkuasa adalah pada **1 Februari 2020**.



PROF. TS. DR. MOHD FOZI ALI
Timbalan Naib Canselor(Pembangunan)

Dikelilingkan Kepada :

Timbalan-timbalan Naib Canselor
Pendaftar
Bendahari
Rektor-rektor UiTM Cawangan
Dekan-dekan Fakulti/ Pengarah-pengarah Pusat Akademik
Ketua-ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Bil Fail : 100-PPII(PTA 6/7/3)
No. Siri : Pekeliling TNC (Pembangunan)

LAMPIRAN 1

SKOP PERALATAN DAN PERKHIDMATAN DI BAWAH JAWATANKUASA TEKNIKAL :

- 1) JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT DAN ELEKTRONIK (JITE)
- 2) JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT DAN ELEKTRONIK NEGERI (JITEN)
- 3) JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT DAN ELEKTRONIK ZON (JITEZ)

1. ICT

- i. Komputer - desktop, laptop/notebook, workstation, mobile workstation, high-end PC, gaming PC, tablet PC.
- ii. Pencetak (printer) - laserjet printer, maksimum saiz A3, **TIDAK TERMASUK** 3D printer, plotter, pencetak kain/ tekstil.
- iii. Pengimbas (scanner) - pengimbas dokumen, maksimum saiz A3, **TIDAK TERMASUK** 3D scanner.
- iv. Aksesori IT - External hard disk (minimum 1TB) **TIDAK TERMASUK** pendrive/thumbdrive, aksesori komputer yang dibeli berasingan dengan komputer seperti mouse, keyboard, speaker, webcam, adapter dan kabel.
- v. Perisian Komputer - Perolehan baharu perisian 'off-the-shelf' **TIDAK TERMASUK** pembaharuan lesen yang tidak melibatkan perubahan kepada spesifikasi asal.
- vi. Perkakasan Rangkaian Komputer - semua perkakasan rangkaian komputer.
- vii. Perkakasan Pusat Data - server, rack, storage dan enclosure.
- viii. Pembangunan Sistem Aplikasi
- ix. Perkhidmatan ICT
- x. Peningkatan sistem

Nota :

Sebarang komponen alat ganti, barang pakai habis (consumable item) dan kerja-kerja pembaikan **tidak termasuk** di dalam proses semakan pihak jawatankuasa teknikal.

2. ALAT PANDANG DENGAR

Sistem Audio

- i. Radio - Semua jenis radio **TIDAK TERMASUK** radio yang bersifat dua hala.
- ii. Audio System - PA system, In-door/outdoor sound reinforcement system, lectern, Permanent installation audio system.
- iii. Broadcast Equipment - Semua sistem audio untuk tujuan penyiaran samada radio
- iv. AV Control System - Semua jenis sistem kawalan AV
- v. Perakam Suara - Semua jenis perakam suara **TIDAK TERMASUK** Perakam dan Pemain MP3

Sistem Video

- i. Television - Semua jenis TV termasuk HDTV.
- ii. Video Camera dan camera pegun - Semua jenis video camera, camcoder dan perakam video, videocam dan DSLR kamera, **TIDAK TERMASUK** CCTV camera, drone, drone camera, kamera untuk tujuan khusus (Contoh webcam).
- iii. LCD Data/Video Projector - Semua jenis projector **TIDAK TERMASUK** skrin (semua jenis), bulb projector dan aksesori yang dibeli berasingan dengan projector
- iv. Overhead Projector (OHP) - Projector untuk tranperensi, **TIDAK TERMASUK** skrin (semua jenis), bulb projector dan aksesori yang dibeli berasingan dengan projector
- v. VCR Player - Pemain VCR Player (VHS Tape)
- vi. VCD/DVD Player - Pemain VCD/DVD Player (VCD/DVD Disc) **TIDAK TERMASUK** cakera VCD, DVD dan aksesori.
- vii. Still Camera- Perakam imej statik digital, analog dan DSLR, **TIDAK TERMASUK** semua jenis aksesori camera pegun termasuk lens, flashlight, tripod stand, battery dan memory simpanan (storage).
- viii. Visual Presenter - Document camera
- ix. Slide projectors - Projector yang digunakan untuk memancarkan imej slide pada skrin
- x. Display Board - Paparan elektronik yang digunakan untuk memaparkan maklumat
- xi. Broadcast Equipment - Semua sistem audio video untuk tujuan penyiaran samada TV dan lain-lain
- xii. Video System - Semua jenis sistem video
- xiii. Non-Linear Editing System - Digunakan untuk tujuan pembikinan dokumentari, filem dan persembahan multimedia

Nota :

Sebarang komponen alat ganti, barang pakai habis (consumable item), semua jenis aksesori dan semua jenis skrin serta kerja-kerja pumbaikan **tidak termasuk** di dalam proses semakan pihak jawatankuasa teknikal.

3. PERALATAN ELEKTRONIK, AUTOMASI PEJABAT DAN TELEKOMUNIKASI

Peralatan Elektronik dan Automasi Pejabat

- i. Mesin Fotostat
- ii. Pencetak berkapasiti tinggi dan pencetak pelbagai guna dengan fungsi fax.
- iii. Peralatan elektronik untuk kegunaan pejabat
- iv. Peralatan Perpustakaan merangkumi RFID, Kiosk, Book Return System dan Barrier Gate

Telekomunikasi

- i. Walkie-talkie
- ii. Telefon selular (mobile Phone)
- iii. Telefon (IP dan Talian Tetap)
- iv. Teleconference system/ Video Conference

Nota :

Sebarang komponen alat ganti, barang pakai habis (consumable item) dan kerja-kerja pembaikan tidak termasuk di dalam proses semakan pihak jawatankuasa teknikal.

4. SUMBER DIGITAL

- i. Pangkalan Data Atas Talian
- ii. e-jurnal
- iii. Pelbagai jenis bahan elektronik yang disimpan dalam CD ROM, CD Audio, VCD, pita video, kaset, kit dan sebagainya
- iv. Image Database
- v. e-content